

Kesinambungan Warisan Kesenian Langkasuka di Tanah Melayu

Embracing The Artistic Heritage of Langkasuka in Malay Peninsula

NURUL IZZAH MOHD JOHARI, TAJUL SHUHAIZAM SAID & HAROZILA RAMLI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis kesenian Langkasuka iaitu kesinambungan daripada warisan peradaban Merong Mahawangsa di Tanah Melayu, khususnya di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada 3 objektif. Objektif pertama kajian ini adalah menyatakan sejarah Merong Mahawangsa dan kerajaan Langkasuka secara umum dan ringkas. Objektif kajian yang kedua pula ialah, mengutarakan beberapa objek seni yang dipercayai telah wujud pada era zaman Langkasuka. Manakala objektif yang terakhir ialah, menyenaraikan beberapa objek kesenian Melayu yang dipercayai pengaruh daripada warisan kesenian Langkasuka. Reka bentuk kajian adalah menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu pemerhatian dan analisis dokumentasi. Data yang dikumpul adalah berdasarkan kepada sumber prima iaitu melalui kajian lapangan. Data juga dikumpul dengan merujuk kepada sumber sekunder iaitu dokumen daripada buku rujukan kajian terdahulu mahupun info daripada laman sesawang. Pengkaji membuat pemerhatian visual ketika di lapangan. Antara kawasan yang dilawati ialah Muzium Negara Malaysia, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka, Muzium Kraf Jalan Conlay, Makam Sultan Mudzaffar Shah, Kedah serta Surau Tok Janggut di Langgar, Kedah. Kepentingan kajian ini adalah untuk menjadi sebahagian rujukan utama kepada pengkajian mengenai kesenian Melayu di Malaysia. Selain daripada itu, hasil kajian ini turut menjadi pengetahuan umum kepada masyarakat tentang kesenian warisan daripada peradaban Langkasuka.

Kata kunci: Hikayat Merong Mahawangsa; objek seni; motif; kesenian Langkasuka; kesenian Melayu

ABSTRACT

This study aims to identify the art of Langkasuka which is a continuation of the Merong Mahawangsa heritage at Malay Peninsula. This study focuses on 3 objectives. The first objective of this research is to state the general history of the Merong Mahawangsa and the Langkasuka Kingdom. The second objective of this study was to reveal some of the objects of art believed to have existed in the era of Langkasuka period. Whereas the latter objective is, to list objects of Malay art are believed influence from Langkasuka art heritage. The design of the study is to use a qualitative research approach which is to use observation method and document analysis. The data collected is based on the primary source through field study. The data is also collected by reference to the secondary source, which is a document from the previous study reference book and info from the website. The researcher makes visual observations while in the field. Among the areas visited are the National Museum of Malaysia, the Lembah Bujang Archaeological Museum, Melaka History and Ethnography Museum, Conlay Road Craft Museum, Makam Sultan Mudzaffar Shah, Kedah and Surau Tok Janggut in Langgar, Kedah. The significant of this study is to be part of the main reference to the study of Malay Art in Malaysia. In addition, the findings of this study are also widely known to the public about the artistic heritage of Langkasuka civilization.

Keywords: Hikayat Merong Mahawangsa; art object; motif; Langkasuka art heritage; Malay art

PENGENALAN

Langkasuka merupakan antara kerajaan tertua di Tanah Melayu. Kerajaan ini juga digelar sebagai Negeri Melayu Purba. Sejarah kewujudannya di sekitar utara Semenanjung Malaysia. Langkasuka merupakan nama yang tidak asing dalam Hikayat

Merong Mahawangsa. Kerajaan tersebut dipercayai ditubuhkan pada abad pertama Masihi. Kekuasaan pemerintahan kerajaan Langkasuka ini bertakhta selama beratus-ratus tahun lamanya. Raja Merong Mahawangsa merupakan raja pertama dalam tampuk pemerintahan kerajaan Langkasuka. Akan tetapi, kerajaan Langkasuka mengalami zaman kejatuhan pada akhir abad ke-14.

Langkasuka juga merupakan tempat pertama di bawah pemerintahan kerajaan Raja Merong Mahawangsa. Namun begitu, kebanyakan sejarawan menganggap Kedah sebagai negeri yang tertua di Tanah Melayu. Di samping itu, dalam Hikayat Merong Mahawangsa turut menyebut negeri Kedah dan menyatakan beberapa kawasan yang berhubung kait dengan Negeri Kedah. Antaranya ialah Raja Merong Mahawangsa menamakan tempat pemerintahan kerajaan Langkasuka itu dengan nama negeri Kedah Zamin Turan. Baginda raja turut menitah kepada anakandanya, Raja Merong Mahapudisat;

“Hai anaku Raja Merong Mahapudisat, jikalau anaku beroleh anak pada zaman ini, hendaklah anaku rajakan akan dia seorang sebelah utara barat laut, seorang sebelah selatan timur menenggara daripada negeri Kedah ini, dan seorang sebelah matahari naik antara timur laut. Maka di dalam negeri Kedah ini pun jangan sekali-kali anaku suruh tinggalkan, kerana zaman ini banyak sangat bumi yang hampa yang tiada orang didiami, baharu sangatlah menjadi tanah daratan, supaya termasyhur nama kita pada segala negeri. Jangan jadi sia-sia pekerjaan ayahanda yang sudah tua ini, terlangsung mari membuat negeri di tanah bumi ini.”

Kenyataan tersebut dapat menyokong segelintir pendapat sejarawan yang mengatakan kerajaan Langkasuka adalah berpusat di Negeri Kedah.

Menurut Adi Haji Taha (2009), Langkasuka adalah suatu nama yang begitu sinonim dengan alam Melayu di Semenanjung Malaysia pada awal kurun Masihi. Tambahan beliau, pada abad ke-4 Masihi, alam Melayu Semenanjung Malaysia meliputi kawasan sehingga 10°U iaitu hingga ke Tenang Sari di Barat dan Segenting Kra hingga ke Chaiya di Timur. Wilayah Kedah pada ketika itu menjangkau hingga ke utara Phuket, iaitu sebelum perjanjian Inggeris dimeterai pada akhir abad ke-19. Daripada segi polemik masa pula, menurut Adi Haji Taha, kerajaan Langkasuka hilang dalam catatan sejarah selepas abad ke-7 Masihi, iaitu apabila ditawan oleh kerajaan Funan. Akan tetapi, kerajaan Langkasuka muncul semula setelah keruntuhan kerajaan Funan dalam abad ke-11 hingga abad ke-15 Masihi. Selepas itu, kerajaan Langkasuka mulai lenyap, susulan daripada kemunculan gugusan kerajaan Srivijaya.

Akan tetapi, terdapat juga pengkaji terdahulu yang menyatakan kerajaan Langkasuka adalah berpusat di Patani, Thailand. Menurut kajian Mohd. Zamberi A. Malek (2009) yang bertajuk ‘Langkasuka: Negara Melayu Pertama’ ada menyatakan sebanyak 14 sumber catatan tradisi China membuktikan kewujudan Langkasuka adalah wujud di sekitar Patani masa kini.

JADUAL 1. Senarai Sumber Catatan Tradisi China Mengenai Kewujudan Lokasi Langkasuka

Bil	Catatan	Tahun	Lokasi Langkasuka
1	Liang Shu	502-556 Masihi	Lautan selatan, dari pelabuhan Canton.
2	T'ung Tien	abad ke-8 Masihi	Lautan selatan
3	T'ai-p'ing Xuan Yu Chi	1319 Masihi	Tanah Semenanjung
4	Sui-shu	Abad ke-7 Masihi	Utara Pantai Timur Semenanjung
5	Pei-Shih	Abad ke-7 Masihi	Utara Pantai Timur Semenanjung, sekitar Patani.
6	Hsu Kao-Weng-Chuan	Abad ke-7 Masihi	-
7	Ta-t'ang His-yu-Ch'iufa Kao-seng Chuan	Abad ke-7 Masihi	Selepas Funan, lokasi perjalanan ke negara India.
8	Nan-hai Chi-kuei Nei-fa Chuan	Abad ke-7 Masihi	Tenggara Myanmar
9	Ta-t'ang His-yu-chi	646 Masihi	Tenggara Myanmar
10	Ta-t'ang ta-Zuan San Xang Fa-Shih Chuan	Abad ke-7 Masihi	Sekitar Patani
11	Xu-Fan-Chih	1225 Masihi	Utara pantai timur Semenanjung, sekitar Patani sekarang.
12	Tao-I Chi-Lioh	1349 Masihi	Utara pantai timur Semenanjung
13	Hsing-ch'a Sheng-lan	1436 Masihi	-
14	Wu Pei-Chih	1628 Masihi	Antara Sungai Patani (di Patani) dan Songkhla. Terletaknya Patani sekarang.

Sumber: Mohd. Zamberi A. Malek. 2009.

Jadual 1 merupakan catatan pelawat-pelawat China yang mempunyai perhubungan dengan negeri-negeri di Asia Tenggara. Kebanyakan daripada mereka mencatatkan lokasi Langkasuka adalah terletak di sekitar Patani. Akan tetapi, persoalan bagaimana Langkasuka bertukar menjadi nama Patani masih belum mendapat kepastian oleh para sejarawan. Ini kerana, menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2006) tiada sebarang catatan sejarah yang menjelaskan perkara tersebut.

Penubuhan kerajaan yang bersistematik menjadikan kehidupan masyarakat ketika era zaman Langkasuka ke arah kehidupan yang lebih bertamadun. Masyarakat yang bertamadun mewujudkan perhubungan perdagangan antara dalam dan luar negeri. Pernyataan ini disokong dengan kenyataan daripada Nik Anuar Nik Mahmud (2006) iaitu;

“Ahli-ahli sejarah Eropah percaya bahawa negeri Langkasuka yang terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu antara Senggora (Songkla) dan Kelantan iaitu adalah lokasi asal negeri Patani. Patani adalah sebuah kerajaan termaju di Semenanjung Tanah Melayu dan sebuah pelabuhan yang penting sejak kurun ke-8 Masihi kerana Teluk Langkasuka (Teluk Patani sekarang) sangat sesuai dijadikan tempat kapal-kapal dagang berlabuh dan berlindung daripada ribut tengkujuh.”

Manakala di Negeri Kedah pula, terdapat suatu kawasan yang dikenali sebagai Pengkalan Bujang atau Lembah Bujang. Dahulu, Pengkalan Bujang dikenali sebagai sebuah pelabuhan entrepot. Tembikar dan seramik adalah antara barang dagangan yang dibawa masuk ke Pengkalan Bujang. Tambahan Salwa Ayob (2017);

“Dari segi tipologinya, tembikar-tembikar tanah ini digunakan bagi keperluan utilitarian di atas kapal khususnya sebagai tempat menyimpan beras serta bijirin, bekas untuk menanak, memasak dan juga sebagai tempat menyimpan air.”

Oleh yang demikian, pernyataan tersebut dapat menjelaskan bahawa masyarakat ketika itu telah menghasilkan beberapa produk untuk dijadikan sebagai barang dagangan mahupun digunakan sebagai barangan keperluan harian. Seajar dengan pandangan daripada Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam, Mohd Zaihidee Arshad (2019) iaitu perhubungan manusia sejagat dengan persekitaran semula jadi membentuk tingkah laku dalam memenuhi tuntutan hidup daripada segi fizikal, sosial dan budaya.

Kewujudan Langkasuka sebagai sebuah kerajaan yang berpengaruh serta wujudnya

perhubungan dagangan dua hala sudah pasti adanya peninggalan artifak bagi memperkukuhkan lagi bukti peninggalan peradaban kerajaan tersebut. Artifak atau prasasti yang mempunyai unsur-unsur seni secara tidak langsung menjadi permulaan kepada perkembangan kesenian khususnya di Tanah Melayu.

Walaupun terdapat perbezaan dan percanggahan pendapat sejarawan tentang asal usul penempatan Langkasuka, ia bukanlah objektif utama dalam kajian ini. Ini kerana, objektif utama kajian ‘Kesinambungan Warisan Kesenian Langkasuka di Tanah Melayu’ ini adalah menceritakan sejarah Merong Mahawangsa dan kerajaan Langkasuka secara ringkas kepada masyarakat umum. Di samping itu, objektif yang kedua ialah ingin memperlihatkan kepada umum objek-objek seni yang dipercayai telah wujud sejak zaman Langkasuka. Objek-objek seni tersebut adalah terdiri daripada artifak dan prasasti yang ditemui oleh pengkaji terdahulu dan dipercayai wujud pada era abad kerajaan Langkasuka. Ini kerana, warisan kesenian yang berasal dari Langkasuka jelas kelihatan dalam masyarakat Melayu sehingga kini. Ia menjadi sebahagian seni reka motif yang menghiasi objek-objek seni khususnya dalam kesenian Melayu. Oleh yang demikian, objektif yang ketiga dalam kajian ini ialah menyenaraikan beberapa contoh objek kesenian Melayu yang mempunyai unsur pengaruh daripada kesenian Langkasuka.

MASALAH KAJIAN

Dalam pengkajian ‘Kesinambungan Kesenian Warisan Langkasuka di Tanah Melayu’ ini, ia perlu dijalankan bagi merungkai sejarah kewujudan kesenian warisan Melayu yang dipengaruhi daripada kesenian warisan Langkasuka. Di samping itu, perbezaan pandangan dan pendapat pengkaji terdahulu tentang kewujudan lokasi Langkasuka menjadi salah satu faktor kepada objektif kajian ini iaitu menceritakan secara umum dan ringkas tentang sejarah Merong Mahawangsa dan kerajaan Langkasuka.

Selain itu, kewujudan artifak atau prasasti di Tanah Melayu khusus di utara Semenanjung Malaysia tidak dikenali oleh masyarakat umum. Kebanyakan penggiat sejarah hanya mengetahui kewujudan artifak tersebut tanpa mengetahui objek-objek tersebut dipercayai telah wujud pada era Langkasuka. Oleh yang demikian, objektif kajian ini

adalah bertujuan untuk menengahkan beberapa contoh artifak atau prasasti yang berunsur seni yang dipercayai wujud pada zaman era tersebut.

Perkembangan kesenian di Tanah Melayu khususnya di Malaysia semakin pesat ketika ini. Akan tetapi, terdapat beberapa kesenian Melayu yang dipengaruhi dengan kesenian warisan Langkasuka jarang diketahui umum. Maka dengan itu, kajian ini menyenaraikan beberapa contoh objek daripada kesenian Melayu yang dipengaruhi oleh kesenian Langkasuka.

METODOLOGI

Kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan berpandukan kaedah kajian kes menerusi bidang pensejarahan (Historiography). Gay, Mills & Airasian (2009) menyatakan bahawa antara pendekatan kualitatif adalah termasuklah kajian kes, etnografi, *grounded theory* dan kajian sejarah. Menurut Ary, Jacobs dan Sorensen (2010), kajian dalam bidang sejarah adalah menganalisis dokumen dan artifak, serta menggunakan kaedah temu bual dengan saksi sebagai kaedah untuk mendapatkan pandangan tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Walau bagaimanapun, sekiranya peristiwa tersebut telah lama berlaku dan tiada peserta secara langsung, penyelidik akan bergantung kepada dokumen, jurnal dan gambar sebagai sumber dapatan kajian (Creswell 2009).

Kajian ini mengupas secara umum tentang sejarah Merong Mahawangsa serta memperlihatkan beberapa artifak yang berunsur kesenian dipercayai wujud pada zaman kerajaan Langkasuka. Selain daripada itu, kajian ini turut memperlihatkan pengaruh kesenian Langkasuka dalam kesenian Melayu. Pendekatan kaedah kajian kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian 'Kesenambungan Kesenian Warisan Langkasuka di Tanah Melayu' ini mewujudkan batasan kajian menerusi skop kajian iaitu melihat jenis kesenian Melayu. Kesenian tersebut adalah terdiri daripada seni ukiran, seni anyaman dan seni tembikar. Sampel iaitu objek seni dalam kajian ini dipilih secara rawak berdasarkan kepada lokasi penemuan, tahun kewujudan dan pengaruhnya menerusi kajian lapangan yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pemilihan sampel kajian dalam kajian ini adalah menepati kehendak objektif kajian serta menjawab beberapa persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Pengkaji telah menggunakan pendekatan dua sumber metodologi dalam melengkapkan kajian

ini. Sumber tersebut adalah sumber primer dan sumber sekunder. Ini kerana, menurut Patton (1990), pengumpulan data bagi kajian berbentuk kualitatif adalah berdasarkan kepada 3 jenis data iaitu dapatan daripada hasil pemerhatian, dapatan kajian daripada hasil temu bual dan juga dapatan data daripada sumber bertulis. Sumber primer untuk pengkajian ini diperoleh daripada hasil pemerhatian pengkaji dan rakaman visual di kajian lapangan. Manakala sumber sekunder pula adalah analisis dari bahan rujukan bertulis seperti buku rujukan, artikel jurnal dan juga info daripada laman sesawang. Ini adalah bertepatan dengan pandangan Hsieh dan Shannon (2005), analisis data adalah kaedah yang sering digunakan secara meluas dalam kajian berbentuk kualitatif. Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan beberapa jenis kesenian Melayu yang dipercayai pengaruh daripada kesenian Langkasuka.

DAPATAN KAJIAN


SEJARAH RINGKAS MERONG MAHAWANGSA DAN KERAJAAN LANGKASUKA

Hikayat Merong Mahawangsa merupakan salah sebuah epilog penceritaan tentang lahirnya pemerintahan kerajaan di Tanah Melayu. Kewujudan hikayat ini adalah hasil kesusasteraan Melayu tradisional. Karya ini merupakan hikayat yang berkonsepkan sastera sejarah. Karya agung ini didokumentasikan atas perkenan dan perintah raja agar asal-usul keturunan baginda diketahui oleh masyarakat umum. Unsur mitos dan lagenda yang menghiasi penceritaan dalam hikayat ini merupakan keterangan tentang keturunan raja-raja di negeri Kedah.


Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1998), sebagai sebuah hasil penulisan sejarah tradisional, hikayat ini melangkah jauh ke belakang iaitu kepada suatu zaman yang terlalu awal dalam sejarah. Persejarahan itu bergerak daripada suatu masa yang penuh misteri dan kesamaran ke arah zaman yang semakin cerah apabila bertambah dekat menghampiri zaman pengarang hikayat itu sendiri. Dalam bahagian awal hikayat tersebut, pengarang menggunakan mitos, lagenda dan cerita-cerita daripada tradisi lisan untuk menguatkan hujahnya, sementara dalam bahagian kemudian pengarang tersebut lebih banyak menggunakan unsur realiti.

Dalam Hikayat Merong Mahawangsa hasil kajian Siti Hawa Haji Salleh ada menyebut tentang Langkasuka:

Setelah sudah balai itu maka dinamai akan dia “Langkasuka” kerana mengerjakan itu dengan makan minum dan bersuka-sukaan serta dengan beberapa binatang jenisnya daripada rusa, kijang, pelanduk, napuh, sapi dengan segala perburuan yang =Siti Hawa Haji Salleh (1998)



GAMBAR 1. Hikayat Merong Mahawangsa versi rumi
 Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Merong_Mahawangsa



GAMBAR 2. Hikayat Merong Mahawangsa tebitan Geroda Merah
 Sumber: Gambar koleksi pengkaji (Low 2018)

Dalam catatan Hikayat Merong Mahawangsa ada menceritakan Raja Kedah iaitu Merong Mahawangsa pada asalnya adalah seorang duta yang mewakili Maharaja Rom untuk membawa puteranya berkahwin dengan Puteri Maharaja China. Dalam pelayaran itu, angkatan mereka telah diserang oleh burung Garuda, menyebabkan bahtera mereka musnah dan Merong Mahawangsa terdampar di suatu kawasan di negeri Kedah. Bermula daripada situlah Raja Merong Mahawangsa membuat istananya di timur Gunung Jerai berhampiran dengan laut lalu menamakannya ‘Kota Langkasuka’.

Langkasuka merupakan susuk tanah tempat Raja Merong Mahawangsa bersama kaum gergasi dengan segala menteri membuat kota parit dan balai istana. Setelah siap kota istana Raja Merong Mahawangsa, kemudian mereka masing-masing membuat rumah dan mempersiapkan sebuah kampung di sekeliling kota raja mereka tersebut.

Pada versi naskhah lain, nama asal Langkasuka itu ialah ‘Alangkah Suka’ yang kemudiannya bertukar menjadi ‘Langkasuka’. Berdasarkan Hikayat Merong Mahawangsa bahawa kota Langkasuka dibangunkan sekitar Gunung Jerai dan keturunannya itulah yang merajai negeri Kedah sehingga kedatangan Islam. Kawasan ini yang dikenali sebagai kawasan peninggalan “Tamadun Lembah Bujang” banyak ditemui kesan-kesan sejarah sejak awal abad masihi (Wan Shamsudin Mohd Yusof 2014).

Berdasarkan kepada Hikayat Merong Mahawangsa, para sejarawan tempatan membuat kesimpulan bahawa Langkasuka adalah tunggak

JADUAL 2. Senarai Pengkajian Tentang Tahun Kewujudan dan Lokasi Peradaban Langkasuka

Nama Pengkaji	Topik Kajian / Penerbitan	Tahun Kewujudan	Lokasi Kewujudan
Siti Hawa Haji Salleh (1998)	Hikayat Merong Mahawangsa	<ul style="list-style-type: none"> Tahun kewujudan Langkasuka tidak dimaklumkan. Penulisan hikayat sekitar tahun 1800 Masihi 	Kedah
Nik Anuar Nik Mahmud (2006)	Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954	Abad pertama Masihi	Patani
Adi Haji Taha (2009)	Langkasuka – Polemik Pencariannya	<ul style="list-style-type: none"> Abad pertama Masihi sehingga abad ke-7 Masihi. Abad ke-8 Masihi hingga ke 10 Masihi, hilang dalam catatan sejarah kerana ditawan oleh kerajaan Funan. Muncul semula pada kurun ke-11 Masihi hingga ke-15 Masihi. 	Kedah
Mohd Zamberi A. Malik (2011)	Langkasuka Negara Melayu Pertama	Abad pertama Masihi sehingga abad ke-14 Masihi	Patani

utama kerajaan Melayu zaman Kedah Tua Zamin Tauran. Tanpa dipertikaikan lagi teori yang menjadi pengetahuan umum rakyat Malaysia mengatakan Langkasuka adalah di negeri Kedah. Pernyataan ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan daripada Haji Ibrahim Ismail (2008):


Kebanyakan orang India tinggal di Langkasuka. Ia merupakan sebuah pelabuhan kecil di Kuala Merbok. Menjelang abad kedua, baharulah Langkasuka menjadi Pusat Kerajaan Kedah. Lembah Bujang adalah petempatan orang-orang India.

Haji Ibrahim Ismail (2008)

Lokasi kewujudan Langkasuka adalah menjadi salah satu topik perbincangan dan perbahasan pandangan dalam kalangan ahli sejarah tempatan. Ada yang berpendapat bahawa kerajaan Langkasuka itu wujud di utara Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Kedah. Namun begitu, terdapat juga segelintir sejarawan berpendapat bahawa peradaban Langkasuka tersebut wujud di Daerah Patani sekarang. Jadual 2 adalah senarai pendapat sebahagian pengkaji terdahulu tentang lokasi Langkasuka.

OBJEK SENI / ARTIFAK / PRASASTI YANG
DIPERCAYAI TELAH WUJUD SEJAK
ERA LANGKASUKA

Kewujudan kerajaan Melayu bernama Langkasuka dan Kedah di Semenanjung Tanah Melayu bukanlah suatu mitos mahupun dongengan. Penemuan sumber-sumber sejarah seperti batu bersurat, candi, serpihan bangunan, tembikar, manik dan lain-lain lagi menjadi bukti kepada kewujudan kerajaan tersebut di negeri Kedah.



GAMBAR 3. Batu Ibnu Sardan (replika)
Sumber: Muzium Negara Malaysia

Batu tersebut ditemui di Lembah Bujang, Kedah. Pada bahagian permukaannya tertera 'Ibnu Sardan 213' dalam tulisan Jawi. Ia adalah antara bukti munculnya peradaban Islam di Lembah Bujang.



GAMBAR 4. Batu Bersurat Ibnu Sirdhan
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Batu bersurat tersebut di temui di Kampung Tupah, Merbok, Kedah sekitar tahun 1960-an oleh penduduk setempat. Nama Ibnu Sirdhan ini berkemungkinan adalah nama anak murid ulama Sheikh Abdullah Yamani, iaitu alim ulama yang mengislamkan Raja Phra Ong Mahawangsa (Sultan Muzaffar Shah).



GAMBAR 5. Pelapik tiang candi Hindu-Buddha. Ditemui pada abad ke 5 hingga ke 12 Masihi di Lembah Bujang
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang



GAMBAR 6. Kendi dan teko
Barang dagangan di Lembah Bujang
sekitar kurun ke 4 hingga ke 14 Masihi
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang



GAMBAR 7. Pelapik Arca Mempunyai hiasan seperti kelopak bunga teratai
 Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang



GAMBAR 8. Tempayan Berasal dari China. Diperdagangkan di Lembah Bujang sekitar abad ke-10 Masihi
 Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Rentetan daripada tertubuhnya sebuah negara-kota yang mempunyai pemerintahan kerajaan yang bersistematik, penerapan nilai-nilai agama yang semakin utuh, kemahiran dan kemajuan penulisan yang semakin berkembang, maka wujudnya unsur-unsur lain seperti pembinaan kota istana dan tempat suci beribadat seperti candi.



GAMBAR 9. Candi Bukit Batu Pahat
 Candi ini merupakan candi induk di Lembah Bujang
 Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Di samping itu, sesebuah negara-kota yang bertamadun dibuktikan dengan adanya perkembangan kesenian dan kesusasteraan. Unsur-unsur ini dapat dilihat pada lukisan dan tulisan pada biara-biara atau candi kerana mencerminkan corak kehidupan yang diabadikan. Maka kerana itulah pengaruh Hindu-Buddha bukan sahaja boleh ditemui dalam kepercayaan dan pemerintahan tetapi dalam aspek kesusasteraan dan kesenian (Mohd Zamberi A. Malek. 2011).

Epik India yang termasyhur iaitu Mahabharata dan Ramayana telah mempengaruhi dunia kesusasteraan negara-negara kota hampir seluruh Asia Tenggara. Daripada dua epik inilah maka lahirnya pengaruh Bahasa Sanskrit sebagai bahasa sarjana dan pendeta. Ia muncul pada abad ke-4 hingga ke-5 dan penggunaannya meluas di alam Melayu. Bahasa Sanskrit digunakan untuk merakam peristiwa mengenai keagungan sesebuah kerajaan dan salasilah keturunan raja-raja. Bahasa Sanskrit ini juga digunakan untuk mencatat upacara keagamaan, pernyataan undang-undang, doa kesejahteraan dalam perniagaan, serta pembangunan masyarakat dan sebagainya, seperti ditemui pada batu-batu bersurat ataupun prasasti. Pernyataan ini berdasarkan kepada kenyataan:


Maka daripada kedua epik itu lahirlah pengaruh bahasa Sanskrit sebagai bahasa sarjana dan pendeta, kemunculan dan penggunaannya di alam Melayu bermula antara abad ke-4 hingga ke-5. Bahasa Sanskrit digunakan untuk merakam peristiwa mengenai keagungan sesebuah kerajaan salasilah jurai keturunan raja-raja. Melalui bahasa itu upacara keagamaan, pernyataan undang-undang, doa kesejahteraan dalam perniagaan, serta pembangunan masyarakat dan sebagainya telah dicatatkan seperti penemuan batu-batu bersurat ataupun prasasti.

Mohd Zamberi A. Malek (2011)

Daripada sudut kesenian pula, motif dan lukisan serta gambaran perlambangan pada ukiran, manuskrip dan sebagainya mempunyai hubung kait dengan kepercayaan. Contohnya motif seperti bunga teratai, bahkan bentuk dan corak geometri pada tiang-tiang serta dinding bangunan adalah merupakan kesenian yang dijelmakan oleh pengukirnya. Malah kekuatan pegangan agama turut digambarkan melalui kesenian sebagai suatu kepercayaan, bukan sahaja terhadap candi tetapi turut pada artifak pemujaan yang lain.

Kepercayaan Hindu-Buddha secara tidak langsung melahirkan penghasilan seni rupa berbentuk arca dewa-dewi. Setiap arca dewa-dewi

tersebut melambangkan kedewaan tertentu seperti lambang kesuburan, keselamatan, kasih sayang, dan sebagainya. Sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu, jiwa orang Melayu ketika itu dipengaruhi dengan kepercayaan Hindu-Buddha. Masyarakat Melayu dahulu juga berpegang kuat kepada kepercayaan terhadap semangat dan kewujudan roh baik dan jahat yang kerap dimanifestasikan di dalam kesenian material seperti keris, rumah dan kepala perahu.



GAMBAR 10. Arca Dwarapala Arca yang diletakkan di bahagian pintu hadapan candi. Berperanan sebagai penjaga pintu. Ia tidak dikategorikan sebagai dewa tetapi sebagai pelengkap dan pengiring kepada arca-arca dewa
Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah menggerakkan suatu proses perubahan ke arah islamisasi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu, termasuklah aspek kesenian. Ajaran Islam sebagai agama Tauhid telah membataskan ruang lingkup kesenian pada ketika itu kepada bidang-bidang tertentu dan memenuhi kriteria-kriteria tertentu. Contohnya, Islam tidak membenarkan ukiran pahat bermotifkan patung atau hidupan yang bernyawa.

Oleh demikian, menurut Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002) kewujudan motif binatang pada sesuatu hasil seni boleh dijadikan titik perbezaan antara zaman sebelum dan selepas kedatangan Islam, walaupun bukan secara mutlak. Ada juga motif haiwan digunakan dalam bentuk yang paling primitif bagi menghilangkan sifat-sifat nyata hidupan bernyawa, seperti menghilangkan anggota-anggota tertentu ataupun meletakkannya dalam satu dimensi tanpa bayang-bayang, perspektif dan kedalaman (Rahmah dan Nor Azlin 2002).

Sebagai contoh kesenian Melayu yang dipengaruhi unsur dan motif haiwan ialah Perahu Tiong Mas. Perahu ini juga dikenali sebagai Perahu Gagak Sura atau Perahu kepala Burung. Ia merupakan sejenis perahu Melayu yang mempunyai ukiran kepala burung pada bahagian hadapan. Perahu Tiong Mas hanyalah bagi kegunaan raja dan kerabat diraja bagi tujuan aktiviti air seperti memancing dan istirahat di sungai. Pada kebiasaannya, bahagian ukiran kepala burung dan ekornya diperbuat daripada kayu keras yang tahan seperti cengal. Ukiran seni pertukangan Melayu yang menarik seperti Daun Dala menghiasi setiap pelosok bahagian kepala dan ekor dan disudahi dengan cat warna kemas.



GAMBAR 11. Kepala Perahu Diraja. Kepala perahu yang berbentuk kepala naga ini diperbuat daripada kayu nangka dan diukir dengan motif sulur kacang dalam bentuk awan larat. Ia digunakan untuk menghiasi haluan perahu Diraja Melayu. Kepala perahu ini milik kerabat Diraja Pahang pada akhir kurun ke-19. Ia dianggarkan berusia lebih 100 tahun
Sumber: Muzium Negara Malaysia (https://ms.wikipedia.org/wiki/Perahu_Tiong_Mas)




GAMBAR 12. Kepala perahu bermotif Burung Gagak Sura. Tandu perarakan berbentuk burung ini digunakan ketika adat istiadat Diraja Melayu Kelantan dan Patani. Konsep burung ini berasal dari kepercayaan pada zaman pra-Islam yang mengaitkan mitos Garuda sebagai kenderaan dewa
Sumber: Akademi Nik Rashiddin

Menurut Mohd Zamberi A. Malek (2011), pengaruh Hindu-Buddha dalam kesenian Melayu seperti seni ukir yang dihiasi dengan motif bunga teratai, buah-buahan dan bunga melata, cantuman kosmos mempunyai nilai kesenian yang sangat tinggi. Di samping itu, seni tembikar, seni tekat dan seni anyaman juga adalah kemahiran hasil kraf tangan yang berasal daripada tamadun Melayu pada abad tersebut. Para sarjana barat berpendapat seni ukiran dan lukisan indah yang terdapat pada perahu nelayan di Patani kemudian menjalar ke Kelantan, Kedah dan Terengganu adalah cetusan daripada pengaruh budaya Langkasuka semasa Majapahit menguasai Semenanjung. Kesenian tersebut disusuli dengan lukisan berwarna-warni kemudian diselang-seli dengan ukiran halus, asalnya adalah perahu diraja iaitu kenderaan raja-raja Langkasuka semasa berangkat belayar di laut ataupun sungai.



GAMBAR 15. Keris Hulu Patani atau lebih dikenali sebagai Keris Tanjong, warisan ukiran Langkasuka
 Sumber: Langkasuka Negara Melayu Pertama (Mohd Zamberi 2011)



GAMBAR 13. Perahu Burung Petalawati Perahu ini (replika) berasal dari Kelantan. Pada zaman dahulu perahu ini digunakan untuk perarakan Sultan. Namun kini tidak digunakan lagi kerana mempunyai unsur-unsur khurafat (Perahu Burung Petalawati. Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka. Kajian Lapangan pada 7 Mei 2018)
 Sumber: Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka



GAMBAR 16. Hulu Keris Tanjong ukiran Nik Rashiddin
 Sumber: Akademi Nik Rashiddin

CONTOH KESENIAN MELAYU YANG DIPENGARUHI OLEH KESENIAN LANGKASUKA



GAMBAR 14. Ukiran dinding surau Tok Janggut di Langgar, Kedah bermotifkan bunga teratai. Ukiran Dinding Surau Tok Janggut bermotifkan bunga teratai. Surau Tok Janggut, Langgar, Kedah.
 Sumber: Gambar koleksi penulis (Perahu Burung Petalawati. Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka. Kajian Lapangan pada 7 Mei 2018).




GAMBAR 17. Labu Sayung Permukaan labu sayung ini mempunyai lekukan seakan-akan dengan lekukan pada pelapik arca pada gambar 7 iaitu bermotifkan kelopak bunga teratai
 Sumber: <http://warisanbudaya.50webs.com/file/LabuSayong.html>



GAMBAR 18. Labu Sayong dari pandangan atas. Seolah-olah bermotifkan bunga teratai. Manakala penutupnya seperti putik bunga teratai

Sumber: <http://warisanbudaya.50webs.com/file/LabuSayong.html>



GAMBAR 19. Bunga teratai jenis *Nymphaea Lotus*
Sumber: <http://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:605604-1>




GAMBAR 20. Putik bunga teratai jenis *Nymphaea Lotus*
Sumber: <http://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:605604-1>



GAMBAR 21. Seni Anyaman Warisan Tamadun Langkasuka (Mohd Zamberi 2011). Motif anyaman ini menyamai dengan motif anyaman kelarai iaitu Kelarai Mata Ketitir (rujuk Gambar 22)

Sumber: Langkasuka Negara Melayu Pertama



GAMBAR 22. Motif Anyaman Kelarai
Sumber: Zainab (2011) Anyaman dalam laman seni.
<http://lamanseni09.blogspot.com/2011/03/anyaman.html>

KESIMPULAN

Kesusasteraan dan kesenian daripada tamadun negara-kota Langkasuka adalah permulaan kepada sejarah ketamadunan Melayu di Tanah Melayu. Bermula dengan pengembaraan Merong Mahawangsa sebagai duta kerajaan Rom, menjadi titik permulaan sejarah pembukaan negara-kota Langkasuka. Perbezaan pendapat antara para sejarawan tentang kedudukan sebenar negara-kota Langkasuka membuktikan bahawa sejarah tidak menolak tentang kewujudan negara-kota lagenda tersebut. Polemik tentang lokasi kewujudan peradaban Langkasuka di antara pendapat para sejarawan membuktikan bahawa pengaruh kerajaan tersebut merangkumi suatu kawasan yang luas bertempat di utara semenanjung Tanah Melayu. Daripada catatan pengembara-pengembara China ke Asia Tenggara suatu ketika dahulu turut menjadi sebahagian bukti akan kewujudan peradaban era Langkasuka. Era ketamadunan kerajaan Langkasuka menjadikan pada abad tersebut berlakunya perdagangan yang pesat. Apabila berlakunya aktiviti perdagangan, maka masyarakat ketika itu mula menghasilkan objek-objek untuk membantu kelangsungan hidup. Objek-objek tersebut secara tidak langsung turut menjadi sebahagian barangan dagangan ketika zaman itu. Aktiviti perdagangan juga turut menyumbang kepada perkembangan budaya dan kesenian dalam masyarakat. Oleh yang demikian, maka wujudlah monumen-monumen yang berunsurkan seni. Contohnya bangunan yang mempunyai ukiran bermotifkan garisan dan bunga teratai. Selain daripada itu, masyarakat Melayu

ketika itu ke arah yang bertamadun serta berpegang teguh kepada kepercayaan agama. Ini menyebabkan mereka cuba merealisasikan pengaruh serta kepercayaan mereka sebagai pegangan dan semangat ke atas kehidupan harian mereka. Maka dengan itu, timbul pula unsur-unsur kesenian yang berunsurkan semangat keagamaan yang mewarnai kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Kesenian warisan kesenian daripada zaman kerajaan Langkasuka tersebut menjadi titik permulaan kepada perkembangan kesenian di Tanah Melayu, terutama sekali dalam seni ukiran, seni anyaman dan seni tembikar. Kajian ini mampu menjadi sebahagian rujukan utama dalam perkembangan kesenian khususnya di Malaysia. Selain itu, ia juga menjadi pencetus kepada pengkaji yang akan datang untuk mengkaji secara terperinci ke atas setiap kesenian Melayu di Malaysia. Kajian ini juga memberi ruang kepada pengkarya seni, pengusaha seni dan pencinta seni Melayu untuk menghasilkan karya yang lebih unik dengan menjadikan kesenian Langkasuka ini sebagai subjek utama dalam karya seni mereka.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Tajul Shuhaizam bin Said selaku penyelia utama dan Profesor Madya Dr. Harozila bin Ramli selaku penyelia bersama dari Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif kerana membantu penulis dalam memberi pendapat dan cadangan serta tunjuk ajar ketika proses

Nurul Izzah Mohd Johari
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak.
E-mel: eizz2712@yahoo.com

Tajul Shuhaizam Said
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim,
Perak.

Harozila Ramli
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
Perak.

Diserahkan: 21 November 2019
Diterima: 05 Mac 2020

menyediakan artikel kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Puan Rosnawati binti Othman dari Akademi Nik Rashiddin, Bachok, Kelantan kerana sudi berkongsi sedikit sebanyak ilmu tentang kesenian ukiran Langkasuka. Sekalung budi dan penghargaan juga kepada pihak Muzium Negara Malaysia, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Sejarah dan Etnografi Melaka serta Muzium Kraf Jalan Conlay kerana mengizinkan penulis menjalankan kajian lapangan.

RUJUKAN

- Adi Haji Taha. 2009. Langkasuka – Polimik Pencariannya. Dalam Seminar Alam Melayu: Menjejak Langkasuka. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia..
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Sorensen, C. 2010. *Introduction to Research in Education*. Edisi Kelapan. Belmont, CA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Bunga Teratai *Nymphaea lotus*. <http://powo.science.kew.org/taxon/urn:lsid:ipni.org:names:605604-1>.
- Creswell, J. W. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication, Inc.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. 2009. *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Edisi Kesembilan. Columbus, Ohio: Pearson Education Inc.
- Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam Said & Mohd Zaihidee Arshad. 2019. Symbolism of 'Keleput' art and intellectual value of Penan heritage craft in Sarawak. *Journal of Advanced Research in Dynamical and Control Systems* 11: 05-Special Issue.
- Hikayat Merong Mahawangsa*. 2018. https://ms.wikipedia.org/wiki/Hikayat_Merong_Mahawangsa
- Hsieh dan Shannon. 2005. *Three Approaches to Qualitative Content Analysis*. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/16204405>
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu: Kedah Dari Segi Sejarah*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Labu Sayung. Sumber diperoleh dari <http://warisanbudaya.50webs.com/file/LabuSayong.html>
- Low, J. 2018. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Penterjemah Johan Ahmad. Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, Kuala Lumpur.
- Mohd Zamberi A. Malek. 2011. *Langkasuka Negara Melayu Pertama: Kepercayaan dan Kebudayaan (Kesusasteraan dan Kesenian)*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources, Kuala Lumpur.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 2009. Langkasuka: Negara Melayu Pertama. Dalam Seminar Alam Melayu: Menjejak Langkasuka. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2006. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. 2nd edition. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Perahu Tiong Mas. 20 Mac 2008. https://ms.wikipedia.org/wiki/Perahu_Tiong_Mas (pada 25 November 2016).

- Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon. 2002. *Seni Rupa Melayu: Kesan Sistem Kepercayaan Ke Atas Seni Rupa Melayu*. Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon. 2002. *Seni Rupa Melayu: Kesan Sistem Kepercayaan Ke Atas Seni Rupa Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Salwa Ayob. 2017. Tembikar Tanah Lembah Bujang: Kesenambungan Warisan Tembikar Melayu Tradisi. Dalam Program Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 4/2017 pada 27 Februari 2017. Anjuran Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 2014. *Kedah dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara: Langkasuka dari Kacamata Penulis Silam Kedah*. Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Malaysia.
- Zainab. 2011. *Anyaman*. dalam Laman Seni. <http://lamanseni09.blogspot.com/2011/03/anyaman.html>